



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PROJEK LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (PLSB) SUNGAI KELANTAN FASA 2 DILAKSANAKAN MENGIKUT PERANCANGAN

PUTRAJAYA, 21 Julai 2025 – Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) terus komited memperkukuh pelaksanaan projek-projek tebatan banjir demi kesejahteraan rakyat. Antara inisiatif utama ialah **Projek Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 2**, yang sedang dilaksanakan mengikut perancangan.

PLSB Sg. Kelantan Fasa 2 yang sedang dilaksanakan secara reka dan bina dengan peruntukkan **sebanyak RM1.064 billion telah bermula pada April 2024** dengan kemajuan fizikal projek adalah **6.02% sehingga 30 Jun 2025** dan dijangka **siap pada April 2029**. Skop kerja yang terlibat bagi projek ini adalah seperti berikut:

- i. Menaiktaraf Sungai Seribong dan Sungai Mulong;
- ii. Pembinaan Pintu Kawalan Banjir;
- iii. Penstabilan Tebing (Kg Parit Cina, Kg Tokong & Kg Pendek);
- iv. Kerja-Kerja Saliran Banjir (*local drainage*); dan
- v. Pembinaan *Flood wall* Kg Keseng Ke Muara Sungai Kelantan.

Projek ini kini dalam fasa pengambilan tanah (*Land Acquisition*) yang merangkumi:

Bil.	Status	Skop
1.	Dalam proses pewartaan di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 8	Perlindungan cerun / tebing, Saliran banjir, <i>flood wall</i> , Sg. Seribong

2.	Proses kelulusan di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)	Sg. Mulong
----	---	------------

Kerajaan Persekutuan menjalankan kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri dan agensi seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Kelantan dan Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu termasuklah utiliti bagi memastikan proses pengambilan tanah berjalan lancar dan dipercepatkan. Secara tidak langsung, ini membantu mengawal peningkatan kos projek.

Kerja-kerja menaiktaraf Sungai Mulong dan Sungai Seribong turut melibatkan **lencongan air** dari kedua-dua sungai tersebut ke Sungai Pengkalan Datu sebelum dialir keluar ke laut sementara **kerja-kerja pembersihan tapak (*clearing*)** telah bermula bagi pembinaan saluran banjir di lokasi-lokasi berikut:

- i. Balai Islam ke Sg. Lubok Mulong
- ii. Kg. Tokku ke Saliran Mandi
- iii. Kg. Kadok
- iv. Kg. Tunjong
- v. Kg. Desa Kujid
- vi. Kg. Baung Bayam
- vii. Kg. Demit & Masjid Sultan Ismail

Penyiapan PLSB Sg. Kelantan Fasa 2 ini dijangka akan memanfaatkan penduduk sekitar lebih 35,700 orang dengan tahap perlindungan sehingga 50 *Average Recurrence Intervals* (ARI) serta mengurangkan keluasan kawasan berisiko banjir sehingga hampir 40,620 hektar kawasan. **PLSB Sg. Kelantan Fasa 2 merupakan pelengkap kepada PLSB Sg. Kelantan Fasa 1 yang hampir siap sepenuhnya.**

PETRA yakin bahawa projek ini akan memberi impak besar kepada kesejahteraan penduduk setempat dan memainkan peranan penting dalam membina ketahanan negara terhadap bencana banjir pada masa akan datang, sejajar dengan konsep Malaysia MADANI yang menekankan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan rakyat.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
21 JULAI 2025